

Ekuinas intai pelaburan dalam sektor kesihatan

SYARIKAT pengurusan dana ekuiti persendirian, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) mengintai beberapa peluang pelaburan baharu seperti pelaburan dalam sektor penjagaan kesihatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, sektor penjagaan kesihatan mempunyai nilai potensi pelaburan tinggi yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Fokus utama Ekuinas pada tiga sektor utama sedia ada iaitu pembuatan makanan, minyak dan gas serta pendidikan. Terdapat banyak peluang pelaburan lain yang belum diterokai termasuk penjagaan kesihatan yang mempunyai nilai pelaburan berpotensi tinggi.

"Ekuinas bagaimanapun akan terus memberi perhatian kepada pelaburan sedia ada, dan pada masa sama menerokai bidang baharu dalam tiga sektor utama sebagai nilai tambah kepada bidang sedia ada," katanya dalam sidang Majlis Pengumuman Pencapaian Ekuinas 2013 di



ABDUL RAHMAN

Kuala Lumpur, kelmarin.

Menurut Abdul Rahman, proses penilaian perlu dibuat dengan teliti sebelum Ekuinas mengambil keputusan membuat pelaburan dalam mana-mana syarikat selain mengenal pasti syarikat berpotensi yang menawarkan peluang pelaburan pada harga berpatutan.

Sementara itu, Ekuinas menyasarkan untuk meningkatkan kadar pelaburan kepada RM600 juta hingga RM650 juta setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, Ekuinas melaksanakan sembilan pelaburan secara langsung dan menerusi penyumberan

luar dengan modal komited RM246.8 juta dalam tahun keempat operasinya sejak 2009.

"Ini termasuk tiga pelaburan langsung dan penyumberan luar dengan modal komited RM121.1 juta, merangkumi pelaburan susulan dalam Integrated Food Group untuk mengembangkan rangkaian Burger King Malaysia dan dalam ILMU Education Group untuk perolehan APIIT Lanka Pvt Ltd, sebuah kolej swasta terkemuka di Sri Lanka.

"Pelaburan dalam PrimaBaguz Sdn Bhd juga menyaksikan kemasukan Ekuinas dalam sektor pembuatan makanan," katanya.

Sementara itu, Ekuinas mencapai prestasi kukuh bagi tahun kewangan 2013, dengan Dana Ekuinas Direct (Tranche 1) mencatat prestasi kukuh dengan pulangan kasar portfolio sejumlah RM655.9 juta.

Ini bersamaan kadar pulangan dalaman (IRR) kasar tahunan 25.5 peratus dan IRR bersih tahunan 20.4 peratus, melebihi sasaran pulangan jangka panjang minimum 12 peratus.